Silverstone Marketing Sdn Bhd lwn Hock Ban Hin Trading Sdn Bhd & Yang lain (The Pacific Bank Bhd sebagai pihak menuntut)

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — GUAMAN SIVIL NO 22-17 TAHUN 1997
ALAUDDIN J
26 MAC 1998

Syarikat dan Perbadanan *— Gadaian — 'Automatic crystallization clause' — Gadaian ke atas semua harta di premis penghutang — Sama ada pemiutang pelaksanaan atau pihak menuntut sebagai pemegang debentur mempunyai prioriti — Sama ada 'automatic crystallization clause' adalah sah di sisi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan*

Plaintif — sebagai pemiutang pelaksanaan — telah menjalankan pelaksanaan ke atas harta-harta alih defendan di premis defendan dan selanjutnya bailif mahkamah telah menyita segala harta alih itu. The Pacific Bank Bhd ('pihak menuntut') kemudiannya memfailkan satu notis mendakwa bahawa hakmilik kesemua barang-barang tersebut terletak pada mereka sebagai pemegang satu debentur yang ditandatangani oleh defendan untuk faedah mereka ('debentur tersebut'). Plaintif mempertikaikan tuntutan pihak menuntut dan bailif mengeluarkan saman interplider ini. Isu yang perlu dipertimbangkan di sini ialah sama ada plaintif (sebagai pemiutang pelaksanaan) atau pihak menuntut (sebagai pemegang debentur) mempunyai prioriti ke atas barang-barang tersebut. Pihak menuntut bergantung kepada fasal-fasal debentur tersebut yang memperuntukkan bahawa kesemua barangan defendan yang disimpan di premisnya telah digadaikan kepada pihak menuntut melalui suatu gadaian terapung yang akan secara automatik menjadi gadaian tetap sekiranya terdapat percubaan pihak ketiga untuk menyita barangan defendan, tanpa sebarang notis diberi kepada sesiapa pun. Menurut plaintif, fasal debentur tersebut merupakan satu 'automatic crystallization clause' adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Diputuskan, membenarkan tuntutan pihak menuntut:

Terdapat dua bentuk 'crystallization', iaitu: (1) tidak memerlukan langkah aktif, yakni bersifat automatik; dan (2) memerlukan satu tindakan yang aktif. Kes di hadapan mahkamah ini melibatkan suatu debentur yang bersifat automatik di mana pihak menuntut tidak perlu mengambil apa-apa langkah aktif untuk menguatkuasakan gadaian tersebut. Sebaliknya, sekiranya berlaku sesuatu kejadian (seperti dalam kes ini di mana terdapat pelaksanaan), gadaian terapung secara automatik menjadi tetap. Menyedari hakikat bahawa mahkamah perlu bergerak mengikut arus dan peredaran zaman, fasal yang bersifat 'automatic crystallization' adalah sah dari segi undang-undang dan seharusnya dikuatkuasakan. Maka diperintahkan supaya barangan yang disita oleh bailif daripada defendan dipulangkan kepada pihak

menuntut dengan kos (lihat ms 704A–D); *Re Brightlife Ltd* [1987] 1 Ch 200 diikut; *Evans v Rival Granite Quarries Ltd* [1910] 2 KB 979 dan *The Goverments Stock and Other Securities Investment Co Ltd v The Manila Railway Co Ltd & Ors* [1897] AC 81 dibeza.

Obiter:

Soal sama ada perkara ini bertentangan dengan polisi awam bukanlah satu perkara yang harus dipertimbangkan oleh mahkamah.

Juga, soal ketidakadilan yang mungkin berlaku kepada pihak ketiga yang bona fide sekiranya 'automatic crystallization' dikuatkuasakan tidak timbul kerana pihak ketiga yang bona fide seharusnya mengambil langkah wajar seperti membuat carian rasmi berhubung sesuatu syarikat sebelum berurusan dengannya. Dengan cara ini, pihak ketiga akan mengetahui tentang kewujudan gadaian terapung tersebut. Dengan memilih untuk tidak membuat carian tersebut, maka pihak plaintif tidak seharusnya bergantung kepada isu pihak ketiga bona fide (lihat ms 703F–I); *Re Brightlife Ltd* [1987] 1 Ch 200 diikut.

[English summary

The plaintiff — as executing creditor — had conducted execution over the defendant's movable property at the defendant's premises and subsequently the court bailiff had seized all the movable property. The Pacific Bank Bhd ('the claimant') subsequently filed a notice alleging that the title to the the items concerned vested in them as the holder of a debenture signed by the defendant for their benefit ('the debenture'). The plaintiff disputed the claimant's claim and the bailiff issued this interpleader summons. The issue for consideration here was whether the plaintiff (as the executing creditor) or the claimant (as the debenture holder) had priority over the items concerned. The claimant relied on debenture clauses which provided that all of the defendant's goods kept on its premises had been charged to the claimant by a floating charge which would automatically become a fixed charge in the event a third party attempted to seize the defenndat's goods, without notice to anyone. According to the plaintiff, the debenture clause which was an automatic crystallization clause was invalid in law and could not be enforced.

Held, allowing the claimant's claim:

There are two types of crystallization, ie: (1) one that does not require active measures, ie automatic; and (2) one that requires affirmative action. The case before this court involved a debenture which was automatic whereby the claimant did not need to take any active steps to enforce the charge. Instead, if an event occurred (as in this case where there was execution), the floating charge automatically became fixed. Realizing that courts need to move with the flow and

and sign of the times, the clause in the nature of automatic crystallization was valid from the legal viewpoint and should have been enforced. Therefore, it was ordered that the goods seized by the bailiff from the defendant be returned to the claimant with costs (see p 704A–D); *Re Brightlife Ltd* [1987] 1 Ch 200 followed; *Evans v Rival Granite Quarries Ltd* [1910] 2 KB 979 and *The Goverments Stock and Other Securities Investment Co Ltd v The Manila Railway Co Ltd & Ors* [1897] AC 81 distinguished.

Obiter:

The question whether this matter was contrary to public policy was not a matter which ought to be considered by the court.

Also, the question of injustice that might have been caused to a third party which was bona fide in the event automatic crystallization was enforced did not arise because the third party which was bona fide should have taken proper measures like making a formal search in connection with a company before dealing with it. In this way, the third party would know of the existence of the floating charge. By electing not to make the search, the plaintiff therefore should not have relied on the issue of the third party bona fide (see p 703F–I); *Re Brightlife Ltd* [1987] 1 Ch 200 followed.]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai gadaian, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 46–67.

Kes-kes yang dirujuk

Brightlife Ltd, Re [1987] 1 Ch 200 (diikut)
DFC Financial Services Ltd v Coffey [1991] 2 NZLR 513 (dirujuk)
Edward Nelson & Co Ltd & Ors v Faber & Co [1903] 2 KB 367 (dirujuk)
Evans v Rival Granite Quarries Ltd [1910] 2 KB 979 (dibeza)
Goverments Stock and Other Securities Investment Co Ltd, The v The Manila Railway Co Ltd & Ors [1897] AC 81 (dibeza)
Haw Par Brothers International Ltd v Overseas Textiles Co Ltd [1978] 2 MLJ 19 (dirujuk)
Manurewa Transport Ltd, Re [1971] NZLR 909 (dirujuk)
North Western Shipping & Towage Co Pty Ltd v Commonwealth Bank of Australia (1993) 118 ALR 453 (dirujuk)
Rex Developments Pty Ltd, Re (in liquidation) (1994) 13 ACSR 485 (dirujuk)
Stein v Saywell (1969) 121 CLR 529 (dirujuk)

Wong Chee Shiuan (*Ng Aik Guan & Co*) bagi pihak plaintif.
Chew Sien Chee (*Chew Sien Chee & Co*) bagi pihak defendan.
Lee Eng Seng (*Chew Tan & Lim*) bagi pihak menuntut.

Alauddin H: Pada 19 Oktober 1977, plaintif menjalankan pelaksanaan ke atas harta-harta alih defendan yang terletak di premis di No 1, Jalan Kampung Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman ('premis defendan') dan berikutan dengan itu bailif mahkamah telah menyita segala harta alih yang terdapat di Premis defendan ('barang-barang tersebut'). Barang-barang tersebut adalah seperti yang disenaraikan dalam senarai inventori bertarikh 19 Oktober 1997. Antara lain barang-barang tersebut termasuk mesin, alat-alat kelengkapan lain dan stok defendan.

Pada 20 Oktober 1997, The Pacific Bank Bhd ('pihak menuntut') memfailkan satu notis dalam Borang 28 mendakwa bahawa hakmilik kesemua barang-barang tersebut terletak pada mereka sebagai pemegang satu debentur bertarikh 21 Ogos 1995 yang ditandatangani oleh defendan untuk faedah mereka ('debentur tersebut').

Plaintif mempertikaikan tuntutan pihak menuntut dan pada 25 November 1977, bailif mengeluarkan saman interplider ini.

Isu yang perlu dipertimbangkan di sini ialah sama ada plaintif (sebagai pemiutang pelaksanaan) atau pihak menuntut (sebagai pemegang debentur) mempunyai prioriti ke atas barang-barang tersebut.

Hujah pihak menuntut

Bagi pihak menuntut, adalah dihujahkan bahawa menurut fasal 4.1 debentur tersebut di bawah perenggan 'Creation of Security' adalah dinyatakan seperti berikut:

> For the consideration aforesaid the borrower hereby charges to the Bank as a continuing security and as security for the payment ... hereby secured ...
>
> (a) ...
>
> (b) by way of a first floating charge all and singular its undertaking other properties and assets ..... including but not restricted to raw materials, work in progress, finished products, *all its stock in trade stored at the premises of the borrower* ... . (Penekanan ditambah.)

Dari peruntukan fasal ini, amat jelas sekali bahawa barangan yang digadaikan oleh defendan termasuk kesemua bahan-bahan mentah dan stok-stok yang disimpan dalam premis defendan.

Sementara itu, fasal 5.1 debentur tersebut di bawah perenggan 'Conversion of Floating Charge into Fixed Charge' memperuntukkan:

> ... *if any person attempts to levy any distress, execution*, sequestration or other process against any of the assets hereby charged or if any floating charge, whether created before or after the date hereof, *shall cystallize over any of the assets hereby charged*, the floating charge under this debenture shall *automatically without notice operate as a fixed charge* instantly such event occurs. (Penekanan ditambah.)

Fasal 5.1 ini dengan jelas menyatakan situasi di mana caj terapung akan secara automatik menjadi caj tetap iaitu sekiranya terdapat percubaan pihak ketiga untuk menyita barangan defendan, tanpa sebarang notis diberi kepada sesiapa pun.

A Bagi menyokong hujahnya, pihak menuntut juga merujuk kepada perenggan 1104 *Halsbury's Laws of England* Vol 7(2) yang menyatakan:

> When a floating security upon all the property or assets of the company becomes fixed, it constitutes a charge upon all the property or assets then belonging to the company. *It has priority over any subsequent equitable charges and over unsecured creditors...* . (Penekanan ditambah.)

B

Pihak menuntut juga merujuk kepada beberapa nas Inggeris bagi memperkuatkan lagi hujah mereka.

Kesimpulannya menurut fasal 5.1 debentur tersebut apabila plaintif dalam kes ini cuba (attempts) untuk menyita barangan ataupun stok
C defendan, caj ataupun gadaian terapung akan (crystallize) menjadi caj tetap terhadap kesemua barangan ataupun stok-stok di dalam premis defendan tanpa apa-apa notis diberikan. Sekiranya caj terapung menjadi caj tetap terhadap barangan tersebut, pihak menuntut akan mempunyai prioriti terhadap 'unsecured creditors' seperti plaintif. Oleh yang demikian,
D barangan-barangan tersebut yang disita oleh bailif haruslah dipulangkan kepada pihak menuntut.

Hujah plaintif

Adalah dihujahkan bagi pihak plaintif bahawa soal sama ada plaintif atau
E pihak menuntut mempunyai prioriti ke atas barang-barang tersebut tertakluk kepada sama ada gadaian terapung untuk faedah pihak menuntut telah menjadi satu gadaian tetap pada masa perbicaraan saman interplider ini. Sekiranya gadaian terapung tersebut telah menjadi gadaian tetap, maka pihak menuntut mempunyai prioriti. Sebaliknya, jika gadaian terapung tersebut belum menjadi gadaian tetap, maka plaintif akan mempunyai
F prioriti terhadap barang-barang tersebut.

Mengikut plaintif dalam keadaan kes ini, gadaian terapung masih belum menjadi gadaian tetap. Berpandukan keputusan dalam kes *Evans v Rival Granite Quarries Ltd* [1910] 2 KB 979, plaintif berhujah bahawa 'crytallization' caj terapung akan berlaku dalam tiga keadaan sahaja iaitu:

G (a) apabila seorang penerima (receiver) dilantik oleh pemegang debentur;

(b) apabila syarikat tersebut digulung dan seorang penggulung (liquidator) dilantik dan/atau;

(c) apabila syarikat tersebut berhenti menjalankan perniagaan.

H Oleh kerana tiada satu pun daripada keadaan di atas berlaku, maka caj terapung masih belum menjadi caj tetap.

Seterusnya, plaintif berhujah bahawa fasal 5.1 debentur tersebut yang merupakan satu 'automatic crystallization clause' adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan.

I Bagi menyokong hujah ini, plaintif merujuk kes *The Goverments Stock and Other Securities Investment Co Ltd v The Manila Railway Co Ltd & Ors* [1897] AC 81, satu kes yang diputuskan oleh House of Lords. Di dalam kes ini, fasal yang digunakan berbunyi (di ms 82):

> Notwithstanding the said charge the company shall be at liberty in the course and for the purpose of its business to use, employ, sell, lease, exchange, or otherwise deal with any part of its property until default shall be made in payment of any interest hereby secured for the period of three calendar months after the same shall have become due, ...

Apa yang sebenarnya berlaku ialah pihak defendan dalam kes tersebut berhutang dengan pemegang debentur lebih dari tiga bulan tetapi pihak pemegang debentur tidak mengambil apa-apa langkah menguatkuasakan sekuriti untuk faedah mereka. Soal yang perlu diputuskan mahkamah ialah sama ada gadaian terapung tersebut telah menjadi tetap disebabkan fasal tersebut.

Kesemua hakim-hakim yang bersidang dalam kes tersebut melahirkan rasa tidak senang hati terhadap fasal yang tersebut di atas. Kesemua mereka enggan memberi kesan kepada fasal tersebut yang menjadikan gadaian terapung tersebut satu gadaian tetap sebaik sahaja tempuh tiga bulan berakhir selepas mana-mana bayaran faedah menjadi matang untuk pembayaran. Kesemua hakim-hakim tersebut bersependapat bahawa tanpa sebarang tindakan mencelah yang aktif dari pihak pemegang debentur untuk menguatkuasakan sekuriti mereka, maka sesuatu gadaian terapung tidak akan menjadi gadaian tetap.

Dalam kes *Edward Nelson & Co Ltd & Ors v Faber & Co* [1903] 2 KB 367, Joyce J juga memutuskan di ms 376 bahawa debentur tersebut tidak berhenti menjadi satu gadaian terapung atau dengan perkataan lain, tidak menjadi satu sekuriti yang aktif, sehingga syarikat tersebut digulung atau menghentikan perniagaannya atau seorang penerima dilantik oleh pemegang debentur.

Justeru tindakan pihak menuntut dalam kes ini dengan hanya memfailkan satu notis menuntut barang-barang tersebut tanpa mengambil tindakan mencelah menguatkuasakan debentur tersebut adalah tidak mencukupi untuk menjadikan gadaian terapung satu gadaian tetap dan seterusnya memberi prioriti kepada pihak menuntut ke atas barang-barang tersebut.

Jelas bagi saya adalah menjadi teras hujah plaintif bahawa berdasarkan kepada autoriti-autoriti yang tersebut di atas 'automatic crystallization clause' tidak diakui oleh mahkamah-mahkamah di England. Hanya tiga keadaan yang diakui oleh mahkamah sebagai berkesan menjadikan gadaian terapung yang diwujudkan oleh debentur sebagai gadaian tetap, iaitu perlantikan seorang penerima, penggulungan syarikat dan pemberhentian perniagaan syarikat tersebut.

Berdasarkan kepada autoriti-autoriti tersebut di atas, pihak plaintif menggesa mahkamah ini supaya tidak menguatkuasakan fasal 5.1 debentur tersebut yang terjumlah kepada satu 'automatic crystallization clause'. Dengan demikian, gadaian ke atas stok defendan untuk faedah pihak menuntut masih terapung dan belum menjadi tetap pada masa perbicaraan saman interplider ini. Berdasarkan alasan ini, maka pihak plaintif sebagai pemiutang penghakiman seharusnya mempunyai prioriti terhadap barang-barang tersebut (lihat *Haw Par Brothers International Ltd v Overseas Textiles Co Ltd* [1978] 2 MLJ 19).

A *Pendapat mahkamah*

Bagi mempertimbangkan isu di hadapan mahkamah ini, terlebih dahulu saya ingin membuat rujukan kepada buku *Legal Problem of Credit and Security* (Edisi Kedua) oleh Prof RM Goode. Di ms 69, penulis menyatakan:

B

> Two distinct types of provision for crystallization have been used. In the first, the debenture holder is empowered to crystallize the charge by notice, in the second crystallization is made to occur automatically on the occurrence of a designated event.

Jelas dari petikan di atas bahawa bagi bentuk pertama, pemegang debentur haruslah mengambil langkah atau peranan aktif sebelum gadaian terapung
C menjadi kekal sementara bagi bentuk kedua pemegang debentur tidak perlu mengambil apa-apa langkah aktif. Gadaian terapung tersebut akan menjadi kekal (crystallized) sekiranya berlaku sesuatu perkara (event); dan inilah yang dimaksudkan dengan 'automatic crystallization'.

Mengimbas kembali kepada fasal 5.1 debentur tersebut, adalah jelas
D bagi saya bahawa ia adalah tergolong dalam bentuk kedua yang bersifat 'automatic crystallization'.

Persoalan sekarang ialah adakah 'automatic crystallization' tersebut sah di sisi undang-undang? Jawapannya adalah jelas. Sekali lagi, saya membuat petikan dari buku *Legal Problems of Credit and Security* di mana
E penulis menyatakan demikian di ms 69:

> Under an *automatic crystallization clause*, no action on the part of the debenture holder is needed to crystallize the charge; *crystallization occurs automatically on the occurrence of a specified event.* The use of automatic crystallization clauses became fashionable in the 1970s, during which period there was a tendency to expand the range of crystallizing events. Winding
F up and receivership were also invariably specified, though as mentioned earlier this was not strictly necessary, for it is a term implied by law that these events cause a charge to crystallize. Other events sometimes specified as crystallizing events were the grant of security to another creditor; *the levy of distress or execution against the debtor's assets* ... . (Penekanan ditambah.)

G Dari petikan di atas, nampaknya debentur yang bersifat 'automatic crystallization' menjadi semakin popular dan mula mendapat perhatian mahkamah pada tahun-tahun tujuh puluhan.

Dalam kes *Re Brightlife Ltd* [1987] 1 Ch 200, Hoffmann H di ms 215E menyatakan demikian:

H

> ... I would therefore respectfully prefer the decision of the New Zealand Supreme Court *Re Manurewa Transport Ltd* [1971] NZLR 909, recognizing the validity of a provision for automatic crystallization ... . For present purposes, however, it is not necessary to decide any questions about automatic crystallization. The notices under cll 3(B) and 13 constitute intervention by the debenture-holder and there is in my judgment no conceptual reason
I why they should not crystallize the floating charge if the terms of the charge upon their true construction have this effect.

Apa yang berlaku dalam kes *Re Brightlife Ltd* ialah pihak pemiutang cuba berhujah bahawa kejadian sesuatu 'crystallization' adalah ditetapkan oleh

undang-undang dan bukan berdasarkan perjanjian pihak-pihak berkenaan dan 'crystallization' hanya boleh berlaku dalam tiga situasi sahaja, iaitu penggulungan syarikat, perlantikan seorang penerima (receiver) atau pemberhentian sesuatu urusan perniagaan. A

Akan tetapi penghujahan tersebut ditolak oleh Hoffmann H di mana beliau menyatakan (di ms 214, 215): B

> I do not think it is open to the courts to restrict the contractual freedom of parties to a floating charge on such grounds ... These arguments for and against the floating charge are matters for Parliament rather than the courts ... .

Justeru itu, mahkamah berpendapat bahawa 'crystallization' bergantung kepada sesuatu kontrak atau perjanjian antara pihak-pihak berkenaan yang mempunyai kebebasan untuk menentukan sesuatu kejadian di mana gadaian terapung akan menjadi tetap (crystallized). C

WJ Gough dalam bukunya *Company Charges* (Edisi Kedua) di ms 235 di bawah perenggan, 'Effective express crystallization clauses' menyatakan: D

> Express crystallization clauses developed as a relatively recent feature of the floating charge. Clauses which have been held effective by the courts have been designed mainly to counter the subsequent intrusion of adverse third party rights in situations where, as a result of previous case decisions, the floating charge remained vulnerable to loss of priority.

E

Di halaman yang sama, penulis juga memberi beberapa contoh kes-kes di mana mahkamah berpendapat bahawa 'automatic crystallization' adalah sah dari segi undang-undang. Antara kes-kes tersebut ialah:

(1) *Stein v Saywell* (1969) 121 CLR 529;

(2) *Re Manurewa Transport Ltd* [1971] NZLR 909; F

(3) *North Western Shipping & Towage Co Pty Ltd v Commonwealth Bank of Australia* (1993) 118 ALR 453;

(4) *DFC Financial Services Ltd v Coffey* [1991] 2 NZLR 513; dan

(5) *Re Rex Developments Pty Ltd (in liquidation)* (1994) 13 ACSR 485. G

Seterusnya di ms 238, penulis menyatakan:

> The concept of express or automatic crystallization has previously been criticised by certain commentators. It has even been suggested that express crystallization should be prohibited as a matter of judicial policy. By contrast, it was also argued previously that, in the absence of any articulated head of judicial policy prohibiting contractual agreements of this nature, this is eminently a context in which the principle of freedom of contract should prevail. H

Penulis kemudian merujuk kepada kes *Re Brightlife Ltd* yang tersebut di atas.

Tidak syak lagi berdasarkan kepada kes-kes tersebut di atas bahawa mahkamah di zaman mutakhir ini lebih bersedia dan cenderung untuk menerima terma-terma yang memperuntukkan 'automatic crystallization' I

A Saya rasa amat sesuai sekali jika dibandingkan kes-kes tersebut di atas dengan kes-kes yang dikemukakan oleh pihak plaintif. Pihak plaintif mengemukakan dua kes iaitu:

(a) *Evans v Rival Granite Quarries Ltd* [1910] 2 KB 979; dan

B (b) *The Governments Stock and Other Securities Investment v The Manila Railway Co Ltd & Ors* [1897] AC 81.

Saya perhatikan di dalam kedua-dua kes ini terma-terma yang diperuntukkan bukanlah merupakan atau bersifat 'automatic crystallization' tetapi lebih bersifat di mana pihak pemegang debentur perlu mengambil langkah aktif sebelum caj terapung menjadi tetap. Dengan kata lain, kes-
C kes ini tergulung dalam kumpulan pertama seperti yang disebut di awal tadi. Sayugia diingatkan kedua-dua kes ini diputuskan dalam zaman sepuluhan di mana pada masa itu 'automatic crystallization' belum lagi diwujudkan.

Berhubung perkara ini, sekali lagi penulis dalam bukunya *Legal Problems*
D *of Credit and Security* memberi komennya seperti berikut:

> It is true that according to some writers the judgment of Vaughn Williams and Fletcher Moulton LJJ in *Evans v Rival Granite Quarries Ltd* point in the other direction and suggest the need for active intervention by the debenture holder; but this is because the clause there under consideration was not an
E automatic crystallization clause at all but one which merely empowered the debenture holder to intervene in stated events.

Di sini jelas ternampak perbezaan antara kes-kes yang diputuskan dalam zaman sepuluhan dengan kes-kes yang diputuskan kemudiannya.

Seperkara lagi yang perlu saya nyatakan di sini ialah soal sama ada
F perkara ini bertentangan dengan 'public policy' bukanlah satu perkara yang harus dipertimbangkan oleh mahkamah.

Hoffmann H dalam kes *Re Brightlife Ltd* (di ms 214, 215) menyebut:

> I do not think it is open to the courts to restrict the contractual freedom of parties ... The public interest requires a balancing of the advantages to the
G economy of facilitating the borrowing of money against the possibility of injustice to unecured creditors. These argument for and against the floating charge are matters for Parliament rather than the courts ... .
>
> These limited and pragmatic interventions by the legislature make it in my judgment wholly inappropriate for the courts to impose additional restrictive rules on grounds of public policy.

H Saya ingin menyentuh sedikit hujahan plaintif mengenai ketidakadilan yang mungkin berlaku kepada pihak ketiga (bona fide) sekiranya 'automatic crystallization' dikuatkuasakan. Pada pendapat saya, soal ketidakadilan ini tidak timbul kerana pihak ketiga yang bona fide seharusnya mengambil langkah wajar seperti membuat carian rasmi berhubung sesuatu syarikat
I sebelum berurusan dengannya. Dengan cara ini, pihak ketiga akan mengetahui tentang kewujudan gadaian terapung tersebut. Dengan memilih untuk tidak membuat carian tersebut, maka pihak plaintif tidak seharusnya bergantung kepada isu pihak ketiga bona fide.

Sebagai kesimpulan, ingin ditekankan di sini bahawa terdapat dua bentuk 'crystallization' iaitu: (1) tidak memerlukan langkah aktif, yakni bersifat automatik; dan (2) memerlukan satu tindakan yang aktif.

Kes di hadapan mahkamah ini melibatkan satu debentur yang bersifat automatik dan berdasarkan kepada beberapa kes yang telah dihuraikan di atas, pihak menuntut tidak perlu mengambil apa-apa langkah aktif. Sebaliknya, sekiranya berlaku sesuatu kejadian (seperti dalam kes ini di mana terdapat pelaksanaan), gadaian terapung secara automatik menjadi tetap.

Menyedari hakikat bahawa mahkamah perlu bergerak mengikut arus dan peredaran zaman, saya berpendapat fasal yang bersifat 'automatic crystallization' adalah sah dari segi undang-undang dan seharusnya dikuatkuasakan.

Berdasarkan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas dan bergantung kepada autoriti-autoriti yang telah dikemukakan, adalah diperintahkan supaya barangan yang disita oleh bailif daripada defendan pertama dipulangkan kepada pihak menuntut dengan kos.

Tuntutan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee